

# PPIB UMS adakan program *Sejambak Kasih* bersama anak yatim

UB 8.8.2014 B3

Oleh ABD NADDIN HJ  
SHAIDDIN

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) berjaya mengadakan program Sejambak Kasih bersama anak-anak yatim di Rumah Anak Yatim As-Sakinah, Lok Kaw Papar.

Program berkenaan dijalankan sempena bulan Ramadan dan salah satu Program Libatsama Masyarakat PPIB yang disertai 26 kakitangan PPIB,

69 anak-anak yatim dan pihak pengurusan Rumah As-Sakinah.

Majlis itu dimulai dengan acara gotong-royong membersihkan dan menghiasi kawasan rumah As-Sakinah bermula jam 3 petang.

Timbalan Dekan Akademik PPIB Dr Suraya Sintang dalam ucapannya mengharapkan

program sedemikian dapat mendekatkan UMS dengan masyarakat setempat khususnya membantu anak-anak yatim agar hidup mereka lebih berbahaya dan cemerlang dalam

mengharungi hidup dengan penuh kejayaan.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan tazkirah Ramadan yang dikendalikan oleh Ustazah Dg Hafizah Ag Basir. Selepas itu majlis berbuka puasa dan solat berjemaah dadakan bersama penghuni rumah anak yatim.

Sementara itu, Pengarah Yadim Sabah Haji Samin Ongki yang juga pengerusi Rumah As-Sakinah melahirkan penghargaan dan terima kasih atas kesudian PPIB berkongsi kasih sayang

bersama-sama anak-anak As-Sakinah.

Dekan PPIB Dr Vincent Pang dalam ucapannya berharap lebih banyak lagi program-program seperti itu dapat diadakan kerana ia dapat membantu dan meningkatkan semangat anak-anak untuk lebih cemerlang dalam bidang pendidikan.

Beliau juga mendoakan agar anak-anak di Rumah As-Sakinah akan berjaya ke menara gading kelak.

Pada akhir program, Vincent menyerahkan

sumbangan seperti makanan, pakaian, buku-buu dan duit raya kepada semua penghuni rumah anak yatim As-Sakinah dan sumbangan kewangan kepada Tabung RAY As-Sakinah.

Program Libatsama Masyarakat PPIB bukan sahaja merapatkan hubungan di antara warga universiti dengan masyarakat setempat tetapi juga mampu menonjolkan semangat kekitaan dari kalangan pelbagai bangsa dan agama yang ingin terus hidup dalam suasana harmoni.



**VINCENT** menyampaikan cenderamata kepada Haji Samin.



**WARGA PPIB bersama sumbangan untuk sejambak kasih.**



**WARGA PPIB mengagihkan sumbangan kepada anak yatim.**



**WARGA PPIB dan As Sakinah bergambar bersama.**



**VINCENT menyampaikan duit raya kepada penghuni anak yatim.**